

Dilalah Ijaz (ringkas): Hubungan tauhid dengan kehidupan pada ayat-ayat terpilih dalam Juz ‘Amma

(Dilalah Ijaz (briefly): Relationship between faith and life in the selected verses of Juz ‘Amma)

Mohamad Amir, M.D.

Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah Malaysia,
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia
Tel: +605-7732344 E-mail: amirafnan@usas.edu.my

Zulkarnain Mohamed

Jabatan Bahasa dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +603-89215557 E-mail: naim@ukm.edu.my

Syed Syahriman, S.A.

Pengajian Islam Universiti Malaya, Lingkungan Budi, 50603 Kuala Lumpur
Tel: +6019-4064583 E-mail: syedshahriman76@yahoo.com.my

Abstrak

Salah satu bentuk mukjizat al-Quran adalah melalui Dilalah (semantik) daripada uslub Ijaz (ringkas) di mana maklumat yang banyak disampaikan dengan menggunakan lafaz yang sedikit. Objektif artikel ini adalah untuk menganalisis Dilalah terhadap uslub-uslub Ijaz yang terdapat dalam Juz ‘Amma bagi menyingkap makna-makna tersirat pada uslub-uslub tersebut. Tafsiran ayat pertama dan kedua, surah al-Ikhlas (al-Quran 112 : 1 dan 2) merupakan contoh analisis di dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif analisis kandungan. Manakala pandangan-pandangan ahli tafsir dan ilmuwan dalam pelbagai disiplin ilmu telah dijadikan norma-norma di dalam proses ini. Melalui analisis ini kami telah membuktikan bahawa terdapat hubungan di antara tauhid dengan kehidupan melalui Dilalah ayat-ayat terpilih dalam Juz ‘Amma. Makna-makna tersirat yang muncul pada uslub-uslub Ijaz tersebut telah membawa Dilalah yang lebih luas dan mendalam. Semoga kajian ini akan menambah impak terhadap kajian-kajian pada masa akan datang di dalam mengungkap kemukjizatan al-Quran daripada aspek bahasa. Artikel ini mencadangkan suatu transformasi tafsir (dari sudut bahasa) al-Quran kepada suatu yang lebih memberi kesan kepada pembacanya tanpa memisahkan hubungan erat wahyu dan akal.

Kata kunci: Dilalah, Ijaz, Juz ‘Amma, Semantik, Tafsir

Abstract

One of the miracles of the Quran is through Dilalah (semantics); of uslub Ijaz (briefly) in which the information communicated by using a little narration. The objective of this article is to analyse Dilalah of Ijaz found in Juz ‘Amma to reveal the meanings implicit in this language style. Interpretation of the first and second verse, surah al-Ikhlas (Qur'an 112: 1 and 2) are examples in this analysis. This study used a qualitative research methodology of content analysis. While the views of commentators and scholars in various disciplines have

become the norms in the process. Through this analysis we have shown that there is relationship between faith and life through Dilalah of Ijaz in the verses which were chosen in this study. Implicit meanings that appear on uslub of Ijaz have led Dilalah to become wider and deeper. Hopefully, this study will add to the impact of future studies in the supremacy of the Qur'an reveals aspects of language. This article proposes a transformation of interpretation of the Qur'an (in terms of language) to make a greater impact for the readers without separating wahyu and intellect.

Keywords: Dilalah, Ijaz, Juz 'Amma, Semantic, Tafsir

Pengenalan

Perbincangan tentang hubungan al-Quran dan sains merupakan wacana yang sering menarik khalayak untuk meneliti hubungan istimewa ini. Dalam kehidupan manusia di dunia pada masa kini, Tauhid yang berpaksikan al-Quran kelihatan wajar dikaitkan dengan sains yang melingkari kehidupan dan akal manusia, agar sentiasa relevan supaya dapat ditangkap oleh lingkungan pengalaman empirikal manusia. Pentafsiran al-Quran pada masa kini menghadapi cabaran daripada intelektual muslim yang bersikap liberal dan menerima teori ilmu baru yang tidak serasi dengan tradisi keilmuan islam seperti boleh dikaitkan dengan ahli-ahli tafsir semasa. Dalam tamadun keilmuan islam, sains di dalam al-Quran dikawal oleh petunjuk wahyu yang ditafsir oleh akal berpandukan manhaj dan pendekatan yang serasi dengan turath Islami dan tidak bertembung. Akal pula tidak lepas bebas meskipun dikatakan Islam merupakan agama yang berpaksikan akal yang salim tanpa perlu ada dongeng-dongeng ritual yang menyalahi hukum akal itu sendiri. Interaksi wahyu dan akal (Tauhid dengan Kehidupan) adalah bertujuan menyisihkan kejahilan, keraguan dan syak yang bermain di benak fikiran manusia. Oleh itu usaha untuk memahami hubungan sains dan al-Quran perlu menggabungjalinkan antara dua sumber iaitu wahyu dan akal, agar ianya tidak hanya berpaut kepada salah satu sumber pentafsiran dan mengabaikan sumber yang lain.

Pentafsiran sains dalam al-Quran berasaskan wahyu secara literal dengan membiarkan pemikiran bertitik-tolak daripada pengamatan pancaindera, bakal mengundang satu deskripsi dan gambaran keislaman yang kaku dan mengelirukan. Melepas bebaskan akal sebagai tunjang pentafsiran tanpa kawalan wahyu mencetuskan krisis kerana sehebat mana pun manusia berfikir tetap berada dalam lingkungan pengalaman empirikal yang terbatas. Bagaimana mungkin ilmu Allah; sesuatu yang di luar jangkauan pancaindera manusia boleh diungkap? Oleh itu persoalan ini perlu diberi perhatian serius menerusi penyelesaian pendekatan manhaj Islami, apakah lagi di dalam situasi umat islam berhadapan dengan ancaman liberalisme yang meletakkan kebebasan individu sebagai nilai tertinggi, hasil cetusan perkembangan globalisasi semasa, berhadapan dengan dakyah dan tohmahan pihak barat terhadap islam. Barat mengusulkan kepada kita bahawa apabila kita berinteraksi terhadap teks-teks ilmiah samada sastera ataupun sains, kita perlu berpaksikan teori-teori dan konsep-konsep. Namun semasa berinteraksi bersama al-Quran; menelah dilalah-dilalah ijaz yang disampaikan oleh Allah S.W.T, kita tidak boleh terikat dengan kerangka teoretikal dan konseptual barat. Dilalah ijaz adalah tersendiri, tidak dipengaruhi oleh mana-mana konsep dan teori di dalam pelbagai disiplin ilmu samada disiplin kemanusiaan mahupun sains seperti sejarah, sosiologi, astronomi, geografi, biologi, matematik dan sebagainya. Mengapa kita katakan ianya tersendiri? Kerana dilalah ijaz tetap kekal relevan. Sementara konsep-konsep dan teori-teori tersebut hanya terbukti dari semasa ke semasa membenarkan kerelevan dilalah ijaz dalam pelbagai disiplin seperti yang telah dinyatakan di atas.

Proses intrepretasi dilalah ijaz ini juga dikira sebagai suatu proses Islamisasi ilmu. Proses Islamisasi ilmu bukanlah suatu bidaah atau sesuatu yang baru. Malahan jika diteliti secara mendalam, proses Islamisasi ilmu telah bermula sejak wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W iaitu Surah Al-‘Alaq di mana Allah berfirman:

أَقْرَأَ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ أَقْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾ الَّذِي عَلَمَ
بِالْقَلْمَرِ ﴿٤﴾ عَلَمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ﴿٥﴾

Bacalah dengan (menyebut) nama tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan tuhanmu lah yang Maha pemurah. Yang mengajar (manusia) dengan perantaran qalam. Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.

Al-‘Alaq (96:1-5)

Berdasarkan ayat tersebut umat Islam digesa agar meneliti dua jenis tanda penciptaan Allah S.W.T ; iaitu tanda di dalam bentuk naqli dan tanda yang di dalam bentuk aqli. Penelitian kedua-dua jenis tanda tersebut tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain malah perlu diintegrasikan secara harmonis. Jelas wujud hubungan Tauhid dengan kehidupan kita sebagai manusia. Sains sebagai sumber kehidupan dan al-Quran sebagai asas Tauhid.

Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif analisis kandungan melalui pendekatan ta’amul-taklif. Metodologi ini adalah satu bentuk kajian yang diupayakan untuk mengamati permasalahan secara sistematis dan tepat mengenai fakta-fakta dalam sifat-sifat objek tertentu. Metodologi analisis kandungan merupakan satu reka bentuk kajian bertujuan menganalisis dan menjelaskan suatu masalah secara komprehensif dan holistik (Hassan Bisri 2003). Reka bentuk kajian jenis ini, digunakan secara meluas dan sangat efisyen serta efektif, mendasar dan multiguna (Lai’bi 2009). Seterusnya penyelidik menerima pakai pendekatan ta’amul-taklif untuk menganalisis fenomena bahasa di dalam dilalah ijaz. Pendekatan ta’amul-taklif ini merupakan satu kombinasi antara dua pertimbangan dalam kajian sastera (Zulkarnain Mohamed 2011). Pendekatan ini penting di dalam menjaga tasawur Islam semasa memanfaatkan sumber dan membina ilmu atau disiplin secara khusus sesuai dengan tuntutan islam dalam membina budaya ilmu (Zulkarnain Mohamed 2011). Penggunaan pendekatan ta’amul-taklif di dalam kajian ini merupakan pelengkap kepada pendekatan tersebut di dalam mengintrepretasikan wahyu mengikut sudut pandang kajian ilmu sains.

Penentuan sumber bahan utama kajian ini terbahagi kepada dua:-

i) Data Primer

Data primer adalah sumber data pokok yang dikumpulkan penyelidik daripada objek penelitian. Dalam kajian ini data primernya terdiri daripada tafsir-tafsir seperti, *Tafsir al-Kashshaf*, *Fi Zilal al-Quran* dan *al-Tahrir Wa al-Tanwir*.

ii) Data Sekunder

Data sekunder pula merupakan sumber data tambahan sebagai pengembangan kepada data-data primer. Di dalam kajian ini, data sekundernya adalah sumber-sumber lain yang berkaitan dengan pembahasan kajian terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu seperti linguistik, sejarah, metafizik, aqidah, sains dan matematik.

Sampel Yang Dipilih - Sampel yang dipilih di dalam kajian ini adalah ayat-ayat al-Quran di dalam Juz ‘Amma yang terkandung padanya uslub Ijaz berdasarkan tafsir-tafsir di atas.

Jumlah Sampel Yang Dipilih – Kami telah memilih sepuluh sampel secara rawak daripada tapak kajian (Juz ‘Amma). Sepuluh sampel tersebut dipilih berdasarkan pewakilan disiplin-disiplin ilmu yang telah dinyatakan di atas.

Pemilihan Sampel Untuk Dikaji - Di dalam pemilihan sampel, kami telah meneliti tiga bahan daripada data primer (*Tafsir al-Kashshaf*, *Fi Zilal al-Quran* dan *al-Tahrir Wa al-Tanwir*) seiring penelitian ayat-ayat dengan penuh perhatian. Semasa mengumpul data primer, penelitian akan dijalankan terus bersama analisis melalui data-data sekunder.

Kaedah Penganalisisan Data - Di dalam kajian ini setelah data-data terkumpul, kami telah menganalisis melalui langkah-langkah berikut:

- i) **Identifikasi** (kenal pasti) - Langkah ini dilakukan dengan cara menelaah al-Quran untuk mencari dan mengumpulkan ayat-ayat al-Quran di dalam Juz ‘Amma yang terkandung padanya uslub Ijaz. Kemudian ayat-ayat tersebut akan dirujuk pula kepada data primer untuk ditanda supaya dapat dikelompokkan.
- ii) **Kategorisasi** (pengkelasaran) - Langkah ini adalah aktiviti mengkelompok dan mengklasifikasikan data untuk melihat data yang merupakan pokok kajian dan disertakan alasannya.
- iii) **Interpretasi** - Langkah ini merupakan aktiviti untuk memperoleh erti dan makna yang lebih mendalam dan luas terhadap hasil penelitian. Hasil penelitian mengenai Ijaz di dalam lokasi kajian ditinjau secara kritis dengan teori yang relevan dan informasi yang tepat. Proses ini di sokong dengan data-data sekunder.
- iv) **Generalisasi** (kesimpulan) - Langkah ini merupakan jejak terakhir aktiviti kajian daripada persoalan-persoalan yang terdapat di dalam rumusan masalah (pokok penelitian). Di dalam langkah ini kami mengaitkan apa yang dikatakan sebagai Hubungan Dilalah Ijaz Juz ‘Amma dengan disiplin-disiplin ilmu seperti yang dinyatakan di atas.

Limitasi Kajian - Kajian ini mempunyai beberapa batasan iaitu :

Batasan Bahan / Teks Yang Hendak Dikaji - Bahan atau teks yang diteliti di dalam kajian

adalah ayat-ayat di dalam surah-surah Juz ‘Amma. Penyelidik telah memilih sepuluh sampel secara rawak daripada kajian.

Batasan Aspek Tumpuan Kajian - Aspek tumpuan kajian terhadap Dilalah Ijaz merentas pelbagai disiplin ilmu.

Batasan Tempoh Masa Bahan / Teks Yang Dikaji - Kajian ini adalah kajian analisis kandungan kepustakaan yang menggunakan pendekatan deskriptif, maka tiada batasan tempoh masa bagi data-data sekunder. Data sekunder di dalam kajian ini merupakan sumber data tambahan yang menurut penyelidik sebagai pasak atau sokong kepada data-data primer.

Tinjauan Literatur

Kajian yang membahas tentang Ijaz agak terbatas, antaranya kajian bertajuk *al-Ijaz fi suroti Maryam wa Yusuf* oleh Anon (2004) yang menganalisis hubungan suatu ungkapan dengan maknanya manakala satu lagi kajian yang bertajuk Al-Ijaz dalam surah an-Najm dan al-Qamar, Studi Ilmu Ma’ani dan aspek pendidikan yang terkandung dalam struktur Ijaz oleh Anon (2011). Analisis Dilalah terhadap Ijaz dalam Juz ‘Amma belum ada secara mendalam di dalam mengaitkan hubungan Tauhid (al-Quran) dan Sains (Kehidupan), sebagai tambahan penelitian di sini ada menggabungjalinkan hubungan Dilalah Ijaz Juz ‘Amma dengan pelbagai disiplin ilmu. Penyelidik merasakan ini adalah sesuatu yang baru dan mengisi kelompongan. Dengan demikian, kajian Ijaz dalam Juz ‘Amma masih terbuka untuk diteliti. Anon. (2004), di dalam kajiannya “*Al-Ijaz fi Suroti Maryam Wa Yusuf* yang menggunakan metodologi kualitatif analisis kandungan melalui pendekatan deskriptif telah menyimpulkan hubungan suatu ungkapan dengan maknanya sahaja bagi dua surah yang tersebut di atas tanpa menghuraikan analisis tujuan uslub tersebut pada ayat-ayat kajian. Manakala Anon. (2011) di dalam kajian “*Al-Ijaz dalam surat an-Najm dan al-Qamar*, Studi Ilmu Ma’ani dan aspek Pendidikan yang terkandung dalam struktur Al-Ijaz” yang menggunakan metodologi yang sama juga telah menyimpulkan bentuk-bentuk Ijaz dan tujuan-tujuan uslub tersebut pada dua surah an-Najm dan al-Qamar. Beliau juga telah mengaitkan aspek pendidikan yang terkandung pada ayat-ayat kajiannya. Di sini dapat penyelidik mendapati bahawa Anon. (2011) telah membuat penambahbaikan di dalam kajian berbanding kajian yang terdahulu.

Di dalam kajian ini pula penyelidik tidak memfokus kajian Ijaz mengikut landasan Ilmu Maa’ni, penyelidik memandu khalayak pembaca untuk melihat Ijaz melalui konteks Ilmu Dilalah di dalam mencari Hubungan Tauhid (Dilalah Ijaz al-Quran Juz ‘Amma) dengan Kehidupan (ilmu atau sains semasa manusia).

Definisi Operasi Kajian


Di dalam Bahasa Arab segelintir pakar bahasa memberikan nama kepada ilmu ini dengan nama “Ilmu al-Dilalah” dan sebahagian yang lain menamakannya dengan “ ilmu Makna” (Hamid Hilal 1989). Tetapi ulama Bahasa Arab milarang sama sekali kita menggunakan frasa ilmu Makna di dalam bentuk jamak (plural). Maka ia akan menjadi “ilmu Ma’ani”. Mafhum kedua-dua ilmu ini amat jauh berbeza kerana maklum bahawa “ilmu Ma’ani” merupakan satu cabang daripada tiga cabang utama ilmu Balaghah. Balaghah merupakan satu disiplin ilmu yang mencakupi tiga bidang utama kajian iaitu ilmu Ma’ani, ilmu Bayan dan ilmu Badi’ (al-Hashimi 1999). Adapun ilmu Makna atau nama lainnya ilmu al-Dilalah atau juga yang bermaksud semantik adalah satu ilmu yang mengkaji makna daripada lafaz-lafaz,

simbol-simbol dan tanda-tanda. Simbol-simbol dan tanda-tanda ini kadang-kadang dizahirkan dalam bentuk yang ringkas seperti isyarat tangan atau sekadar anggukan kepala, ia juga kadang-kadang wujud dalam bentuk yang lebih kompleks seperti satu ayat penuh yang lengkap dengan subjek, predikat, kata sifat dan sebagainya (Umar 1993).


Definisi Ijaz menurut al-Sakaki pengarang *al-Miftah*, yang penyelidik nukilkannya daripada al-Zahabi (1996) adalah menyampaikan maksud melalui pertuturan dengan pengungkapan yang ringkas daripada pengungkapan sederhana. Pengungkapan sederhana ini perlulah diketahui kadarnya terlebih dahulu. Manakala al-Quzwaini (2000) pengarang *al-Idah*, menolak pendapat al-Sakaki dengan menyangkal pengungkapan sederhana ini perlulah diketahui kadarnya terlebih dahulu. Ini kerana al-Sakaki tidak mendefinisikan Ijaz berdasarkan kepada pemahaman makna-makna tersirat dan merasainya. Jadi adalah suatu yang tidak munasabah untuk menilai sesuatu yang subjektif iaitu rasa dengan cara yang objektif berdasarkan kadar bilangan kata.

Maka penyelidik menyimpulkan bahawa sukatan kepada Ijaz (ringkas) atau Itnab (lengkap) di dalam menghubungkan ilmu atau sains kehidupan manusia dengan Tauhid melalui kalam Allah dalam al-Quran itu adalah melalui rasa (zawq). Tidak kiralah suatu pengukapan itu ringkas (Ijaz) atau meleret-leret (Itnab), jika ianya menepati keadaan semasa audien al-Quran dengan cara yang paling berkesan, meresap ke dalam jiwa mereka dengan pemahaman yang jelas dan jitu maka ianya pengungkapan yang bermakna di dalam mencari hubungan jelas **Dilalah Ijaz (ringkas): Hubungan tauhid dengan kehidupan.**

Kerangka Kerja Teoretikal



Kerangka Kerja Konseptual




Bil	Ayat-ayat	Jenis Ijaz	Surah	Catatan
-----	-----------	------------	-------	---------

1	من شَرِّ الْوَسَاسِ أَخْنَاسٍ ﴿٤﴾ (al-Quran 114 : 4)	Ijaz Hazf	al-Nas	Hazaf Mudaf iaitu ; ia sepatutnya ada mudaf (ذی) yang telah dihazafkan. من شَرِّ ذی الوسَاسِ Menurut al-Qurtubi (2004) "الوساس" ada yang menyatakan ia sebenarnya anak Iblis yang dilaknat Allah yang datang kepada manusia melalui udara untuk meragu-ragukan anak adam.
2	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ أَللَّهُ الصَّمَدُ ﴿٢﴾ (al-Quran 112 : 1 dan 2)	Ijaz Qasr	al-Ikhlas	Menurut Safi (1998) dua nama Allah S.W.T yang tertera di sini iaitu (اَحَد) dan (الصَّمَد) sebenarnya pada kedua-dua nama ini telah terangkum kesemua sifat-sifat kesempurnaan bagi Allah S.W.T. (اَحَد) bermaksud tunggal, satu. Jika diamati angka satu (1) bukan nombor perdana dan hanya boleh dibahagikan dengan dirinya sendiri. Manakala (الصَّمَد) pula jika diamati terangkum padanya makna (الرَّزَاق), (الغَفَار), (الْفَتَاح), (الْحَفيظ), (الْكَرِيم) dan banyak lagi.
3	مَا أَعْنَى عَنْهُ مَالُهُ وَمَا كَسَبَ ﴿٢﴾ (al-Quran 111 : 2)	Ijaz Hazf	al-Masad	Menurut Safi (1998) hazaf Muta'allaq Iaitu : وَلَا مَا كَسَبَ مِنْ جَاهٍ Ianya dapat difahami melalui ayat yang terdahulu.

4	فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْبَيْتَمَ (al-Quran 107 : 2)	Ijaz Qasr	al-Ma'un	disebut ringkas sahaja. Maksudnya adalah mengherdik. Dilalah (ع) membawa makna yang lebih lagi iaitu tidak memberikan hak-hak kepada anak yatim apa yang sepatutnya mereka perolehi. Ia juga membawa maksud kekerasan terhadap mereka dan zalim pada mereka (ibnu Asyur 2012).
5	فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّيْتَ (al-Quran 107 : 4)	Ijaz Qasr	al- Ma'un	Menurut ibnu Asyur (2012) maksud orang-orang yang bersolat di sini adalah bersalahan dengan makna literal. Ianya membawa makna orang-orang yang bersolat tetapi tiada ganjaran pahala kepada mereka. Dan pada pandangan orang-orang yang bersolat jenis ini, tidak berdosa pun jika meninggalkan solat. Maksud kalimat (المصلين) di sini juga membawa makna ; orang-orang yang sering melengah-lengahkan solat. Ia juga membawa maksud orang-orang yang bersolat tetapi tidak sempurna rukuk, sujud, Qiyam, iktidal dan sebagainya.
6	الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُوْنَ	Ijaz Qasr	al-Ma'un	Menurut ibnu Asyur (2012) maksud kalimat پراعون di sini

	(al-Quran 107 : 6)			bukan sahaja menunjuk-nunjuk dengan solat palsu mereka, tetapi lebih jauh daripada itu ia membawa makna riya', ujub , hipokrit dan mereka juga menunjuk-nunjuk dalam semua amal perbuatan mereka bukan setakat solat sahaja.
7	<p>إِلَيْهِمْ رِحْلَةُ الْشَّيْطَانِ وَالصَّيْفِ ﴿٢﴾</p> <p>(al-Quran 106 : 2)</p>	Ijaz Hazf	Quraish	<p>Hazaf Jumlah, kenapa di nasab kan kalimat “rehlata”, sebenarnya ada ayat yang di Hazaf di sini , iaitu :</p> <p>أَرْتَاهُمْ رِحْلَةً (al-Qurtubi, 2004)</p>
8	<p>أَلْمَرْرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِأَصْحَابِ الْفَيْلِ ﴿١﴾</p> <p>(al-Quran 105 : 1)</p>	Ijaz Qasr	al-Fil	“ أصحاب الفيل” disebut ringkas sahaja. Jika diteliti makna frasa di atas membawa maksud (kumpulan gajah). Sebenarnya wujud kisah yang panjang lebar di sebalik frasa tersebut. Bagaimana sejarah penuh Raja Abrahan dan tentera bergajahnya dengan teknologi canggih pada masa itu disimpulkan dalam frasa “ أصحاب الفيل ” sahaja yang ringkas (ibnu Asyur 2012).
9	<p>وَالْعَصْرِ ﴿١﴾</p> <p>(al-Quran 103 : 1)</p>	Ijaz Qasr	al-A'sr	Menurut ibnu Asyur (2012) lafadz (العصر) bermaksud : waktu hujung zohor, bermula bayang-bayang suatu objek menjadi lebih panjang daripada

				objek asal. Di sini bumi mula membelakangi matahari. Ayat ini juga sebenarnya bermaksud pergerakan bumi di atas orbitnya. Lafaz (العصر) juga membawa maksud nama solat. Ia juga membawa maksud tempoh atau period sesuatu masa.
10	 (al-Quran 97 : 2)	Ijaz Qasr	al-Qadr	<p>Menurut ibnu Asyur (2012) frasa خير من ألف شهر bermaksud : ganjaran berlipat ganda melangkaui tempoh seribu bulan untuk amal soleh, bahkan juga doa-doa dimustajabkan, kemewahan limpah kurnia pada pahala sedekah, keberkatan kepada ummah.</p> <p>Bukan angka 1000 itu yang dititikberatkan tetapi kualiti apa jua jenis ibadat pada malam al-Qadr.</p>

Kesimpulan

Dilalah ijaz apabila ia berinteraksi terhadap mana-mana turath Islami khususnya ayat al-Quran di dalam Juz ‘Amma, perlu diikat dengan manhaj yang selari dan sesuai dengan kehendak asal wahyu itu diturunkan (S.S.Abd Razik 2001). Kehidupan Barat yang bercirikan sekular telah menjadikan sains sebagai pengetahuan yang bersifat tulen yang hanya dikaitkan dengan fenomena semata-mata. Kriteria untuk mengukur sebuah kebenaran juga hanya berpandukan kepada rasional. Pandangan seperti itu muncul kerana sains barat tidak dibina di atas wahyu. Ia dibina di atas budaya yang diperkuuhkan oleh spekulasi falsafah kehidupan sekular yang memusatkan manusia sebagai makhluk rasional. Akibatnya, ilmu pengetahuan, nilai-nilai etika dan moral, yang diatur oleh nisbah manusia, terus menerus berubah. Inilah yang dikritik oleh Al-Attas.

Hasil daripada penjelasan di atas, penyelidik simpulkan bahawa Dilalah dalam konteks perbincangan ini boleh dikaitkan dengan beberapa disiplin ilmu seperti sejarah, matematik,

fizik, astronomi, aqidah dan fiqh dengan kehidupan manusia. Malah pengembangan kepada artikel ini boleh mengaitkan hubungan Dilalah Ijaz dengan banyak lagi disiplin ilmu dengan kehidupan kita.

Rujukan

al-Quran

al-Hashimi, al-Sayyid Ahmad.(1991). Jawahir al-Balaghah. al-Somili, Yussuf. Beirut: Penerbit al-Maktabah al-A'sriyah.

al-Qurtubi, Abdullah bin Ahmad al-Ansari. (2004). Tafsir al-Qurtubi Beirut : Penerbit Dar al-Kutub al-Ilmiyyah

al-Quzwaini, Jalal al-Din Muhammad Abd al-Rahman.(2000). Al-I'dah fi Ulum al-Balaghah. Beirut : Penerbit Muassasat al-Kitab al-Thaqafiyah.

al-Zahabi, Dr. Muhammad Jalal. (1996). cIlmu al-Macani. Kaherah : Penerbit Dar al-Ittihad al-Taa'wuni lil al-Tabaa'h wa al-Nashr

Anon. (2004) . al-Ijaz fi suroti Maryam wa Yussuf

<http://www.scribd.com/doc/47298792/Ijaz-fi-suroti-Maryam-wa-Yusuf>
[06 Jun 2012].

Anon. (2011). al-Ijaz dalam surat al-Najm dan al-Qamr, studi Ilmu Macani dan aspek Pendidikan yang terkandung dalam struktur I'jaz <http://www.scribd.com/doc/47298792/Ijaz-dalam-surat-An-Najm-dan-Al-Qamar>

[06 Jun 2012].

Hamid Hilal, Abd al-Ghaffar. (1989). Ilmu Lughah baina al-Qadim wa al-Hadith Kaherah: Penerbit al-Matbacah al-Jalabiyy.

Hasan, Bisri. (2001). Penuntun Penyusunan Rencana Penelitian dan Penulisan Skripsi. Jakarta: Penerbit PT Raja Grafindo Persada.

Ibnu A'syur. (2012). Tafsir al-Tahrir Wa al-Tanwir. Tunis: Dar al-Sujun Lil-Nasyar Wa al-Tauzi'

Lai'bi, Hadi Nahar. (2009). Al-Buhus al-Lughawiyyah wa al-Adabiyyah. Irbid : Penerbit A'lim al-Kutub al-Hadith.

Safi, Mahmud. (1998). al-Jadwal fi al-I'rab al-Quran wa Sarf wa Bayanih. Beirut: Penerbit Dar al-Rashid.

S.S.Abd Razik. (2001). Al-Manhaj al-Islami fi al-Naqdi al-Adabi. Damsyik : Penerbit Dar al-Fikr

Umar, Ahmad Mukhtar. (1993). al-Bahth al-Lughawi cinda al-Hunud. Kaherah: Penerbit al-Matbaa'h al-Jalabiyy.

Zulkarnain Mohamed. (2011). Sari – International Journal of the Malay World and Civilisation 29 (1) : 137 - 152